



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 10 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/4/2024


BIL	PERKARA	SUMBER
1	COURTESY CALL FROM WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT MINISTER	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/232150/courtesy-call-from-women-family-and-community-development-minister-/	DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	MARILAH BERSAMA KPWKM UNTUK TERUS MENYEMAI DAN MENGHARGAI KASIH SAYANG KITA SEBAGAI SATU KELUARGA	
	https://www.youtube.com/watch?v=yMj71Bl-as8	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	'RUU KEWARGANEGARAAN UNTUK BERI HAK SAMA KEPADA IBU WARGA MALAYSIA'	
	https://www.malaysiakini.com/news/702084	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	IBU BAPA 'TERBUANG' MENUNGGU DIJEMPUT ANAK	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/ibu-bapa-terbuang-menunggu-dijemput-anak/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	IBU TUNGGAL TEBALKAN MUKA MENGEMIS DEMI ANAK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1078688/ibu-tunggal-tebalkan-muka-mengemis-demi-anak	HMETRO.COM.MY



Courtesy call from Women, Family and Community Development Minister

Published on: Tuesday, April 09, 2024



KOTA KINABALU: Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor received a courtesy call from Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Hajah Nancy Shukri at his office at Menara Kinabalu, Monday.


During the meet, Nancy informed Hajiji about the programmes to empower women, especially in Sabah, that have been implemented by departments and agencies under her Ministry in the State.

She said last year, her Ministry through the National Welfare Foundation (YKN) implemented the Wanita Bangkit Programme which involved almost 2,000 Sabahan women and the Anti-Sexual Harassment Advocacy Programme under the Women's Development Department (JPW), involving more than 1,000 women in the State.

For this year, she wants to further expand the Ministry's services in Sabah especially to empower women.

Nancy was accompanied by the JPW Director-General Dr Wan Nur Ibtisam Wan Ismail and YKN Chief Executive Officer Nordina Haron.

Nancy is in Sabah to attend some official programmes in Lahad Datu.



'RUU kewarganegaraan untuk beri hak sama kepada ibu warga Malaysia'

Isabelle Leong & Martin Vengadesan

Diterbitkan: Apr 9, 2024 9:04 AM · Dikemaskini: 9:04 AM

WAWANCARA | Sambil mengakui bidasan yang menyelubungi cadangan pindaan undang-undang kewarganegaraan, Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh bertegas bahawa peruntukan yang memberikan hak sama rata kepada ibu-ibu Malaysia mengenai anak-anak yang dilahirkan di luar negara adalah satu langkah yang positif.

"Tiada apa yang boleh mengubah hakikat bahawa kerajaan campuran yang membentangkan rang undang-undang di Parlimen untuk memberi ibu Malaysia peluang dan hak sama rata untuk memberikan kerakyatan kepada anak mereka yang dilahirkan di luar negara.



"Kami berjaya membentangkan RUU itu. Jadi, untuk itu, saya amat berbesar hati kerana ada kemahuan politik untuk membawanya (ke Parlimen)," katanya kepada *Malaysiakini* dalam temu bual eksklusif di kementeriannya Khamis lepas.

Pada hari-hari awalnya sebagai menteri kabinet, Yeoh mengimbas kembali bagaimana lima menteri wanita, termasuk dirinya, bertegas mahu memastikan ibu Malaysia, yang berkahwin dengan pasangan warga asing, boleh memberikan kerakyatan mereka kepada anak-anak yang dilahirkan di luar negara.

Empat lagi menteri wanita ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Pembaharuan Institusi) Azalina Othman Said; Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Nancy Shukri, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa.

"Apabila kami (menteri wanita) berkumpul pada awalnya, itu adalah perkara pertama yang kami katakan kami mahu lakukan.

"Jadi, kami beritahu perdana menteri (Anwar Ibrahim) bahawa itu perlu menjadi reformasi nombor satu kami untuk mendapatkan hak sama rata buat wanita. Kami berterima kasih kerana menteri dalam negeri (Saifuddin Nasution Ismail) dan perdana menteri bersetuju bahawa itu perlu menjadi reformasi pertama kami.

"Dan kita telah melihat proses itu dan, dengan itu, datang pindaan lain yang dicadangkan, termasuk menyaksikan perdebatan dan kritikan sengit," katanya.



Pada 27 Mac lalu, kerajaan menangguhkan sesi perbahasan RUU pindaan kerakyatan kepada sidang parlimen akan datang selepas sidang lalu kesuntukan masa.

Saifuddin mahu pindaan kerakyatan dibahaskan dan diundi pada sidang Parlimen berkenaan. Bagaimanapun, dia hanya sempat melakukan bacaan kali kedua RUU itu sebelum sidang Dewan Rakyat ditangguhkan.



Ibu bapa 'terbuang' menunggu dijemput anak



PUSAT Jagaan Mahmudah ditubuhkan lapan tahun lalu di Semenyih, Selangor kini menguruskan 52 warga emas.

Oleh MOHD FADHEI MOHD SULAIMAN 9 April 2024, 7:45 am

PETALING JAYA: "Saat paling hiba dan pilu apabila melihat ibu bapa dalam jagaan kami mengemas beg dan menunggu di hadapan pintu dengan harapan anak-anak yang entah berada di mana akan membawa mereka pulang bersama menyambut Syawal. Hakikatnya, ia tidak menjadi realiti."

Demikian luahan Setiausaha Persatuan Kebajikan Mahmudah Malaysia, Muhammad Syafiq Mohiadin, ketika ditanya mengenai situasi orang tua-tua di pusat kebajikan itu, ketika seluruh umat Islam di negara ini akan merayakan Aidilfitri yang dijangka esok.

Lebih menyedihkan, kata beliau, ada dalam kalangan warga emas yang sanggup menyimpan makanan diterima daripada pelawat atau orang awam untuk dibekalkan kepada anak-anak, sekiranya suatu hari nanti mereka datang menjemput di pusat kebajikan itu.

Bagaimanapun, kata Muhammad Syafiq, golongan itu tidak berpeluang berjumpa anak-anak atau waris mereka dalam tempoh yang lama, sehinggalah mereka menghembuskan nafas terakhir di bawah pengurusan Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia.

Sehubungan itu, beliau berharap anak-anak atau waris yang 'membuang' ibu bapa terbuka hati membawa mereka pulang bagi merayakan hari yang mulia itu bersama-sama.

"Sebenarnya bergantung kepada situasi setiap warga emas di sini. Ada ibu ayah yang menanti anak-anak mereka melawat atau mahu pulang kerana sudah terlalu lama berada di pusat jagaan.

"Selalunya, ibu bapa yang terbuang ini terlantar sakit, menjadi beban kepada anak-anak, hubungan porak-peranda dan berpecah-belah, kes isteri enggan jaga mentua tetapi anak mahu jaga ibu atau ayah. Oleh kerana anak-anak mementingkan keluarga sendiri, maka ibu bapa ini diletakkan di pusat jagaan.

"Nasihat saya kepada anak-anak di luar sana, apabila kita melakukan perkara baik insya-Alah apabila tua nanti juga memperoleh perkara baik. Kifarah ini memang benar berlaku. Kalau tidak mampu bawa pulang, lawatlah ibu dan ayah," katanya ketika dihubungi semalam.

Mengikut rekod Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), sehingga kini terdapat sebanyak 393 pusat penjagaan warga emas di seluruh negara yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.


Mengulas lanjut, katanya, sepanjang lapan tahun menguruskan pusat kebajikan itu, sebanyak 300 kes penjagaan warga emas yang dibuang keluarga dan kebanyakannya adalah kaum Melayu.

Pusat jagaannya turut menerima masuk antara 30 sehingga 50 kes rujukan sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Kesihatan (KKM), selain satu hingga dua permohonan penempatan orang tua-tua sehari.

Jelas beliau, pusat jagaannya kini menguruskan 52 warga emas selepas usaha mencari waris gagal, manakala anak-anak sendiri tidak menerima kehadiran ibu bapa mereka.

Katanya, ramai dalam kalangan warga emas di bawah pusat jagaannya yang sudah lama menetap di situ dan meninggal dunia, namun, anak-anak atau waris hanya kelihatan semasa atau selepas meninggal dunia demi mendapatkan sijil kematian dengan cara yang tidak sopan.

"Isu ini bukanlah dan bukan timbul setiap kali menjelang hari raya sahaja. Isu ini patut ditekankan dan orang ramai mesti sedar apa tanggungjawab mereka kepada ibu bapa masing-masing," katanya. — UTUSAN



Ibu tunggal tebalkan muka mengemis demi anak

Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my



Datuk Seri Sunny Ung hadir meluangkan masa bertanya khabar membantu lebih 100 asnaf, gelandangan dan pengemis di sekitar perkarangan Padang Merdeka di sini.
FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Kota Bharu: Seorang ibu tunggal sanggup menebalkan muka mengemis di perkarangan Padang Merdeka di sini sambil memangku bayi lelakinya yang baru berusia dua bulan.

Siti Mas Wani Mustapha, 36, baru lima bulan bercerai berkata, dia terdesak untuk mengemis bagi menyediakan keperluan bayinya termasuk membayar bilik sewa yang tertunggak.

"Saya baru datang beberapa kali sahaja namun tidak banyak diperolehi cukuplah untuk kelangsungan hidup.

"Keadaan sangat mendesak lebih-lebih lagi anak saya perlukan lampin pakai buang serta susu.

"Saya datang ke sini (Padang Merdeka) dengan e-hailing pada waktu petang dan akan pulang menjelang tengah malam ke bilik sewa di Kampung Banggol," katanya ketika ditemui di sini, malam tadi.

Siti Mas Wani berkata, dia mempunyai tiga lagi anak dan berada di bawah jagaan ibunya manakala dia serta bayi lelakinya menetap berasingan disebabkan masalah keluarga.

Dia adalah penerima menerima bantuan zakat serta beras dari ahli perniagaan, Datuk Seri Sunny Ung, yang meluangkan masa bertanya khabar.

Sunny berkata, pemberian zakat kepada asnaf serta gelandangan menjelang Aidilfitri itu sudah dilakukannya sejak lebih 10 tahun lalu dan majoriti pengemis di kawasan itu sudah mengenalinya.

"Saya berbesar hati dapat membantu lebih 100 asnaf, gelandangan dan pengemis sekitar Padang Merdeka di sini dan berharap sedikit sebanyak beban kewangan mereka menjadi ringan dengan bantuan yang tidak seberapa ini," katanya.

Bagi Fatin Amira Zulkifli, 29, pula, sudah dua hari dia berada di sekitar lokasi itu bersama dua anaknya yang berusia lima dan 10 tahun bagi meminta sedekah untuk membeli kelengkapan raya.

Dia yang kematian suami sejak dua tahun lalu berkata, tidak mempunyai pilihan lain memandangkan kehidupan daif dan bergantung kepada ibunya sebagai penoreh getah.

"Saya bukan datang semata-mata untuk mengemis tapi hanya untuk mendapatkan wang membeli baju raya anak sahaja dan esok (hari ini) kami akan balik ke Lubok Jong (Pasir Mas) untuk buat persiapan raya," katanya.